

31 MAR 1997

Mahathir-Rai

DR MAHATHIR DIRAI SEMPENA PENGURNIAAN DUA ANUGERAH ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini diraikan pada satu majlis jamuan oleh Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim sempena penerimaan dua anugerah antarabangsa baru-baru ini.

Dr Mahathir menerima Anugerah Jawaharlal Nehru bagi Persefahaman Antarabangsa daripada kerajaan India dan Anugerah Antarabangsa Raja Faisal

1997 daripada kerajaan Arab Saudi.

Anugerah Raja Faisal mengandungi Sijil, Pingat Emas dan wang tunai

AS\$200,000 (RM495,000) yang diterima daripada Timbalan Perdana Menteri

kedua Arab Saudi Putera Sultan Ibn Abdel Aziz pada satu istiadat yang

diadakan di Riyadh 23 Mac lepas.

Anugerah "Perkhidmatan kepada Islam" yang diberikan kepada Dr Mahathir

adalah satu daripada lima kategori anugerah berkenaan sebagai menghargai

sumbangan luar biasa beliau dalam menggalakkan nilai-nilai Islam di sepanjang kepimpinannya sejak 16 tahun lepas.

Anugerah yang diwujudkan pada 1976 itu adalah sebagai memperingati

Almarhum Raja Faisal yang memerintah dari 1964 dan 1975.

Pada 20 Dis lepas, Dr Mahathir dianugerahkan Anugerah Jawaharlal Nehru

bagi Persefahaman Antarabangsa dari Presiden India Dr Shankar Dayal Sharma

atas sumbangan besar terhadap usaha menggalakkan kerjasama di kalangan

negara-negara membangun.

Anugerah tertinggi India itu diberi nama sempena Perdana Menteri India

yang pertama.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, menteri-menteri, timbalan menteri, menteri besar, anggota-anggota Parlimen,

perwakilan asing di negara ini, pemimpin kesatuan sekerja dan pertubuhan

bukan kerajaan (NGO) turut hadir pada majlis yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra itu. -- BERNAMA

RV AKD